


PERSEPSI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA
KEJURUTERAAN DI KUITHO TERHADAP JADUAL
WAKTU DI LUAR WAKTU RASMI: SATU TINJAUAN

NORBAINI BINTI MOHAMED

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUITTHO

30000001832982

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: PERSEPSI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI
KUTUBHO TERHADAP JADUAL WAKTU DI LUAR WAKTU RASMI. SATU
TINJAUAN

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya NORBAINI BT. MOHAMED (770811-03-5962)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salina tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. **Sila tandakan (√)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

(Handwritten signature)

(Handwritten signature)

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

140-C KG. KETIL PENG. KUBOR
16080 TUMPAT,
KELANTAN DARUL NAIM.


EN. KHAIRUL AZMAN B. MOHD SUHAIMY
Nama Penyelia

Tarikh: 6 Oktober 2003

Tarikh: 6 Oktober 2003

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 
Nama Penyelia : EN. KHAIRUL AZMAN BIN MOHD SUHAIMY
Tarikh : 6 Oktober 2003

**PERSEPSI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI
KUITTHO TERHADAP JADUAL WAKTU DI LUAR WAKTU RASMI :
SATU TINJAUAN**

NORBAINI BT MOHAMED

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

**PERSEPSI PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI
KUITTHO TERHADAP JADUALWAKTU DI LUAR WAKTU RASMI :
SATU TINJAUAN**


NORBAINI BT MOHAMED

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

OKTOBER, 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : NORBAINI BT MOHAMED

Tarikh : 6 Oktober 2003

*Teristimewa buat bonda dan ayahanda tercinta, **Ramlah Mamat dan Mohamed Awang** yang menjadi sumber kekuatan dan kejayaan anakanda. Segala jasa dan bakti bonda dan ayahanda InsyaAllah sentiasa terpahat di sanubari.*

*Terima kasih juga ditujukan khas buat kekanda dan adinda yang tersayang, **Sumai Esah, Zammeri dan Azizi** yang menjadi menyuntik semangat kepada adinda.*

*Tidak lupa kepada suamiku yang dikasihi dan dicinta, **Mohamad Nasir Din**. Terima kasih di atas segalanya.*

Allah rahmati kalian.....

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah SWT Pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, sahabat-sahabat r'anhum dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, telah mengizinkan saya menyiapkan penulisan kajian kes Sarjana Pendidikan (Teknikal) dengan sebaiknya. Besar harapan saya semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan menjadi rujukan kepada mereka yang berkenaan. Sebarang kesilapan mohon dimaafkan, kerana tiada daya dan upaya melainkan dengan pimpinan dan pertolongan Allah SWT.

Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada En. Khairul Azman bin Mohd Suhaimy selaku pembimbing dan Prof. Madya Haji Dr. Jailani b. Mohd Yunus serta Tn. Hj. Salleh b. Tahar sebagai penilai dalam kajian ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar serta pandangan yang bernas, dorongan dan kesediaan untuk berbincang amat dihargai dan disanjung tinggi. Semoga segala ilmu yang diberikan mendapat keberkatan dan balasan daripada Allah s.w.t jua.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada insan yang paling saya kasihi iaitu suami, ibu dan ayah serta ahli keluarga saya yang banyak berkorban dan menjadi pendorong yang kuat kepada saya dalam memberikan semangat serta bantuan yang tidak ternilai harganya.

Penghargaan juga diberikan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberikan bantuan, kerjasama dan pandangan dalam menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Jadual waktu kuliah merupakan elemen yang penting dalam mengerakkan sesuatu proses pembelajaran. Jika jadual waktu kuliah tidak disusun dengan baik, maka ia boleh membawa masalah kepada pelajar. Justeru itu, pengkaji telah membuat satu kajian bertajuk " Persepsi Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Di KUiTTHO Terhadap Jadual Waktu Di Luar Waktu Rasmi : Satu Tinjauan ". Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pandangan pelajar terhadap jadual waktu kuliah yang diadakan di luar waktu rasmi. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik. Instrumen kajian berbentuk soal selidik dan temubual. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik diskriptif dengan bantuan perisian SPSS. Analisis kajian ini berdasarkan skor min. Dapatan kajian telah menunjukkan pelajar kurang setuju sekiranya kelas pada waktu malam dielakkan dengan skor min (3.23). Skor min (3.68) menunjukkan pelajar setuju sekiranya kelas pada hari Sabtu dan Ahad dapat dielakkan. Pelajar juga setuju sekiranya jadual waktu kuliah yang diadakan antara jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang dapat dielakkan dengan skor min (3.52). Begitu juga, skor min (3.57) menunjukkan pelajar setuju sekiranya kuliah yang diadakan antara jam 6.00 petang hingga 7.00 malam dapat dielakkan. Secara keseluruhannya, jadual waktu kuliah yang diadakan di luar waktu rasmi tidak dapat diterima oleh kebanyakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTHO.

ABSTRACT

The timetable is the important elements in study accepting process. There is a problem to students if their timetables are not arranged very well. Therefore, a research have been made, and the title is “ The Perception Of Bachelor In Engineering Students Of KUiTTHO To The Timetable Of Class Which Is Outside Of The Schedule: An Overview. The purpose of this research is to regconize students opinion to the timetable of class which is outside of the formal students schedule. All of the respondents involved were KUiTTHO’s students from the Bachelor of Civil, Mechanical and Electrical Engineering. The instrument of this research are questionnaires and interviews. Datas are processed an analyzed descriptively using the SPSS software version 11.0. The analysis of this research is based on the mean score. The result of this research shows that most of the students disagree if their evening classes is not held as ordinary time with mean score (3.23). Meanwhile, most of the students agreed if the classes on Saturday and Sunday is absolutely reset. Most of the students also agreed if the timetable of their classes that held between 1.00 pm until 2.00 pm is reset too, with mean score (3.52). Mean score (3.57) shows that most of the students agreed if their classes cannot be held between 6.00 pm until 7.00 pm. As the conclusion, the classes that being held outside of the formal timetable cannot be accepted by the most of students in Bachelor of Engineering in KUiTTHO.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengesahan Status Tesis	
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Halaman Dedikasi	iii
	Halaman Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Senarai Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xi
	Senarai Rajah	xii
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6

1.7	Skop Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	7
1.9	Istilah/Definisi	8

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	10
2.2	Tanggungjawab Pelajar	11
2.3	Kekangan Dalam Belajar	13
2.4	Faktor Pencapaian Akademik Pelajar	15
2.5	Kepentingan Masa	16
2.6	Kaedah Penggunaan Masa – Jadual waktu	17
2.7	Kepentingan Jadual Waktu	19
2.8	Peraturan Akademik (Program Diploma Dan Sarjana Muda)	22
2.8.1	Kredit Mata Pelajaran	22
2.8.2	Beban Kredit Yang Dibenarkan	22
2.8.3	Perpindahan Kredit	23
2.8.4	Syarat Kehadiran Perkuliahan	24
2.8.5	Pencapaian Akademik	24

BAB III METADOLOGI

3.1	Pengenalan	25
3.2	Rekabentuk Kajian	25
3.3	Sampel Kajian	27
3.4	Instrumen Kajian	27

3.5	Kajian Rintis	29
3.6	Analisis Data	30
3.7	Jangkamasa Kajian	31
3.8	Prosedur Kajian	32

IV ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	33
4.2	Latar Belakang Responden	35
4.2.1	Jantina	35
4.2.2	Bangsa	36
4.2.3	Jabatan Kejuruteraan	38
4.3	Pandangan Responden	38
4.4	Analisis Diskriptif Menggunakan Skor Min	39
4.4.1	Kelas Pada Waktu Malam	40
4.4.2	Kelas Pada Waktu Petang	41
4.4.3	Kelas Pada Waktu Tengahari	42
4.4.4	Kelas Pada Hari Minggu	43
4.4.5	Jumlah Jam Kuliah Mengikut Mata Pelajaran	44

BAB V PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	46
5.2	Perbincangan	46
5.2.1	Adakah kelas yang diadakan di antara jam 8.00 malam hingga 10.00 malam sesuai untuk pelajar	47

5.2.2	Adakah kelas yang diadakan di antara jam 6.00 petang hingga 7.00 malam sesuai untuk pelajar	49
5.2.3	Adakah kelas yang diadakan di antara jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang sesuai untuk pelajar	51
5.2.4	Sejauhmana penerimaan pelajar terhadap jadual waktu kuliah pada hari minggu (Sabtu atau Ahad)	53
5.2.1	Sejauhmana penerimaan pelajar terhadap jumlah jam kuliah yang disediakan dalam jadual waktu kuliah	55
5.3	Cadangan	57
5.3.1	Institut Pendidikan	57
5.3.2	Pensyarah	59
5.3.3	Pelajar	59
5.3.4	Kajian Lanjutan	60
5.4	Kesimpulan	60
BIBLIOGRAFI		62
LAMPIRAN		
	LAMPIRAN A	64
	LAMPIRAN B	64
	LAMPIRAN C	69
	LAMPIRAN D	77
	LAMPIRAN E	81

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Pengurusan Masa Di Dalam Tempoh 24 Jam	19
2.2	Penilaian Kredit	22
2.3	Taraf kedudukan Akademik	24
3.1	Tafsiran Skala Likert	29
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	35
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	36
4.3	Taburan Responden Mengikut Jabatan	38
4.4	Rumusan Julat Skor Min Dan Tafsirannya	39
4.5	Skor Min Bagi Kuliah Antara Jam 8.00 Malam Hingga 10.00 Malam	40
4.6	Skor Min Bagi Kuliah Antara Jam 6.00 Petang Hingga 7.00 Malam	41
4.7	Skor Min Bagi Kuliah Antara Jam 1.00 Tengahari Hingga 2.00 Petang	42
4.8	Skor Min Bagi Kuliah Pada Hari Minggu (Sabtu Atau Ahad)	43
4.9	Skor Min Bagi Jumlah Jam Kuliah Mengikut Mata Pelajaran	44

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur Kajian	32
4.1	Kategori Responden Mengikut Bangsa	38

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKASURAT
LAMPIRAN A	Borang Soalselidik	65
LAMPIRAN B	Borang Soalan Temubual	73
LAMPIRAN C	Contoh Jadual Waktu Kuliah	81
LAMPIRAN D	Analisis Kebolehpercayaan Item	81
LAMPIRAN E	Analisis Diskriptif Menggunakan Skor Min	85

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masa merupakan sumber pemberian Tuhan yang amat berguna tetapi terhad. Masa akan sentiasa berlalu, sama ada kita menggunakannya dengan sempurna atau tidak. Masa yang telah berlalu tidak akan berganti. Tuhan Yang Maha Adil, memberikan masa yang sama banyak kepada semua manusia. Tidak ada yang menerima lebih dari 24 jam dan tidak ada yang menerima kurang dari itu.

Masa merupakan satu sumber yang terhad, maka sumber yang terhad itu perlu diuruskan dengan secepat dan semaksima yang mungkin untuk menghasilkan output yang tinggi. Merancang masa dengan bijak akan mengurangkan pembaziran masa untuk sesuatu kerja yang tidak ada nilainya. Namun begitu, tidak semestinya jumlah masa yang lebih jika diperuntukan untuk sesuatu aktiviti akan menjamin kejayaan aktiviti tersebut melainkan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

Setiap orang mempunyai caranya yang tersendiri untuk merancang dan menggunakan masa mereka. Sebahagian daripada pelajar memang gemar merancang masa, tetapi kerana jadual waktu kuliah yang sedia ada telah menyebabkan perancangan masa yang mereka perlukan tidak berkesan. Dengan membuat pengagihan masa yang betul sama ada untuk belajar, bersukan, bersiar-siar dan sebagainya, pelajar boleh memaksimakan masa yang dipunyai dan tidak merasakan dirinya ketinggalan dengan rakan-rakannya yang lain. Pelajar yang mahukan kejayaan akademik haruslah membahagi masa untuk belajar, kegiatan akademik dan bersosial agar dapat membentuk tubuh badan dan fikiran yang sihat dan segar.

Persoalan pokok terhadap jadual waktu sama ada pihak institusi mahupun pensyarah telah mengambil kira semua faktor ketika merancang jadual waktu kuliah. Merancang bagaimana untuk menggunakan masa dengan berkesan memerlukan masa, kemahuan dan kemahiran. Menurut Whinship dan Christopher (1978) selain faktor masa belajar, pelajar juga perlukan peruntukan masa untuk bersosial, makan-minum, tidur, rehat, bersukan dan lain-lain aktiviti.

Melihat kepentingan pengurusan masa kepada seseorang individu, ini bermakna jadual waktu kuliah yang ditentukan oleh pihak institusi mahupun pensyarah perlu dirancang secara bijaksana dan semaksima yang mungkin. Justeru itu penyelidik ingin melihat persepsi pelajar terhadap jadual waktu kuliah yang diadakan di luar waktu rasmi. Insya-Allah secara tidak langsung, kajian ini dapat melihat sejauh mana penerimaan pelajar terhadap jadual waktu kuliah mereka.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dalam sesebuah institusi sekiranya masalah kemerosotan pencapaian akademik pelajar-pelajar didapati kurang baik, di mana terdapat pelajar mendapat keputusan Kedudukan Bersyarat (KS) dan Kedudukan Gagal (KG) dalam pencapaian Akademik mereka. Ini merupakan satu masalah yang serius yang perlu ditangani oleh sesebuah institusi. Masalah kemerosotan pencapaian akademik berlaku di KUiTTTHO. Persoalan yang boleh ditimbulkan di sini ialah apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di KUiTTTHO. Adakah pelajar-pelajar berkenaan gagal untuk menguruskan masa mereka sehingga prestasi mereka menurun di peringkat universiti berbanding dengan prestasi yang ditunjukkan di peringkat sekolah.

Sebelum ini, penyelidik telah melihat banyak kajian yang dibuat untuk mengkaji tentang punca / masalah kemerosotan akademik yang dipengaruhi faktor-faktor selain faktor jadual waktu kuliah. Sikap pelajar banyak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kemungkinan besar, jadual waktu kuliah boleh mempengaruhi sikap dan minat seseorang pelajar. Oleh kerana terdapat beberapa faktor yang boleh dikaitkan secara langsung dengan pencapaian akademik pelajar, maka kajian ini cuba mengasingkan satu faktor sahaja iaitu faktor jadual waktu kuliah pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Jadual waktu kuliah merupakan elemen yang penting dalam mengerakkan sesuatu proses pembelajaran. Jika jadual waktu kuliah tidak disusun dengan baik, maka boleh membawa masalah kepada pelajar. Dengan adanya jadual waktu kuliah pelajar

dapat membina dan menyusun jadual waktu personal secara baik. Tetapi sejauhmana jadual waktu kuliah yang disusun oleh pihak Institusi mahupun pensyarah dapat menghasilkan satu pengurusan masa yang sistematik dan sesuai kepada pelajar.

Melihat kepada suasana dan pengalaman sendiri sebagai seorang pelajar, didapati kebanyakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dibebankan dengan pelbagai tugas akademik dan bukan akademik. Antara aktiviti yang melibatkan akademik adalah seperti mengulangkaji pelajaran, melakukan tugas, membuat tutorial dan sebagainya manakala aktiviti-aktiviti bukan berbentuk akademik pula adalah seperti beriadah, bersosial, melakukan aktiviti kelab atau persatuan dan sebagainya. Lantaran itu, pelajar perlukan pengurusan masa yang baik untuk membolehkan mereka menyeimbangkan antara aktiviti akademik dengan aktiviti luar agar prestasi akademik mereka tidak terjejas. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTHO juga mempunyai jadual waktu kuliah yang disusun di luar waktu rasmi seperti pada hari minggu (Rujuk LAMPIRAN A).

Hasil tinjauan penyelidik, didapati sebahagian pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTHO merungut tentang jadual waktu kuliah yang disediakan di luar waktu rasmi membebaskan mereka. Namun, jadual waktu kuliah yang tidak menentu dan tidak teratur juga mungkin berpunca daripada masalah pelajar itu sendiri. Pelajar mungkin mempunyai masalah akademik yang menyebabkan mereka terpaksa menolak atau menambah mata pelajaran yang tertunda.

Selain pengalaman dan hasil tinjauan penyelidik didapati prestasi akademik pelajar berada pada tahap yang kurang baik iaitu terdapat pelajar mendapat Kedudukan Bersyarat (KS) dan Kedudukan Gagal (KG) dalam pencapaian akademik mereka. Dalam hal ini, terdapat banyak faktor yang menyebabkan pelajar tersebut memperoleh pencapaian akademik yang kurang baik. Menurut Arifah (2002), prestasi pelajar berkait

rapat dengan komitmen diri pelajar tersebut terhadap proses pembelajaran yang diamalkan oleh mereka. Kejayaan dan proses pembelajaran yang mereka amalkan banyak bergantung kepada sifat serta sahsiah diri pelajar itu sendiri seperti rajin, berdisiplin, mahu berusaha, cekal dan tekun. Selain daripada itu kemahiran pengurusan masa dan perancangan aktiviti harian juga turut mempengaruhi kejayaan seseorang pelajar. Di atas kesedaran ini, maka penyelidik berminat untuk melihat persepsi pelajar terhadap jadual waktu kuliah yang diadakan di luar waktu rasmi pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di KUiTTTHO. Sejauhmana penerimaan dan pandangan mereka terhadap jadual waktu kuliah di luar waktu rasmi ?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada pernyataan masalah, objektif kajian ini ialah :

1. Untuk mengenalpasti pandangan pelajar terhadap kuliah yang diadakan di luar jadual waktu kuliah rasmi.
2. Untuk mengenalpasti penerimaan pelajar terhadap jadual waktu kuliah yang disediakan.

1.5 Persoalan Kajian

Pada akhir kajian ini, penyelidik akan dapat mengetahui :

1. Adakah kelas yang diadakan antara jam 8.00 malam hingga 10.00 malam sesuai untuk pelajar.
2. Adakah kelas yang diadakan antara jam 6.00 petang hingga 7.00 malam sesuai untuk pelajar.
3. Adakah kelas yang diadakan antara jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang sesuai untuk pelajar.
4. Sejauhmana penerimaan pelajar terhadap jadual waktu kuliah yang diadakan pada hari minggu (Sabtu atau Ahad).
5. Sejauhmana penerimaan pelajar terhadap jumlah jam kuliah yang disediakan dalam jadual waktu kuliah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini begitu penting untuk membantu pihak institusi dan pensyarah membuat pertimbangan semasa menyusun jadual waktu kuliah di samping membantu para pelajar. Kajian ini juga penting untuk menilai keberkesanan susunan jadual waktu kuliah di luar waktu rasmi yang disediakan untuk pelajar. Ini kerana apabila jadual waktu kuliah dapat disusun dengan sistematik, dapat memberi faedah yang baik ke atas